

SH 2/210 m/s TS

# Alumni main peranan tarik peserta sertai ESQ 165



● Siswi UMT berkenalan pada 'game' pertama di hari pertama Kursus Kepimpinan ESQ 165 'in-house' di TER, semalam.

**RAHAM MOHD SANUSI**

**KUALA TERENGGANU**—Al-Ansar Consultancy akan menggiatkan strategi memperkasa alumni Kursus Kepimpinan ESQ 165 (ESQ) mulai tahun ini agar alumni dapat memainkan peranan dalam usaha menarik lebih ramai individu mengikuti program berkenaan.

Pengurus Eksekutifnya, Mohd Bakhtiar Abu Bakar berkata, usaha memperkasakan alumni atau bekas peserta ESQ adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan mereka dalam siri ESQ, seterusnya berkongsi pengalaman dengan peserta baru.

"Pada masa sama, kami juga berharap alumni dapat berkongsi pengalaman dan ilmu dipelajari menerusi ESQ

terdahulu dengan ahli keluarga, rakan serta organisasi tempat mereka bekerja.

"Sejak kami adakan ESQ di negeri ini bermula tahun lalu, sambutan diterima kurang memuaskan dan tiada peningkatan kerana tiadanya sokongan padu daripada alumni sendiri. ESQ tidak akan dapat diadakan tanpa bantuan alumni," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Sinar Harian ketika ditemui pada kursus ESQ secara 'in-house' kepada mahasiswa cemerlang Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Terengganu Equestrian Resort (TER), Kuala Ibai, di sini, semalam.

Mohd Bakhtiar berkata, di negeri Pantai Barat, alumni yang menggerak-

kan ESQ kerana mereka mahu pengalaman diperoleh dikongsi bersama, sekali gus menjadikan kursus berkenaan mendapat sambutan memberangsangkan.

"Cabaran mengendalikan ESQ di Pantai Timur iaitu di Terengganu dan Kelantan lebih hebat berbanding di Pantai Barat terutama dari segi keterbukaan masyarakat Pantai Timur sendiri untuk menerima perkara baru seperti ini," katanya.

Sementara itu katanya, syarikat yang menabung menerusi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), Kementerian Sumber Manusia juga perlu merebut peluang menghantar kakitangan mereka mengikuti ESQ kerana yuran pendaftaran kursus berkenaan boleh dituntut kembali melalui HRDF.